

**"Beli dan utamakan produk Malaysia" diminta masuk dalam bajet
Malaysian Insider
Sept 8 , 2013**

Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) menggesa kerajaan untuk memperkenalkan "Program beli dan utamakan produk Malaysia" dalam bajet yang akan datang.

Mereka percaya bahawa sebarang program yang disokong kerajaan akan membantu syarikat Malaysia untuk berdiri di atas kaki sendiri dalam iklim ekonomi semasa.

"Kami percaya bahawa kerajaan perlu mengambil iktibar (dengan iklim ekonomi semasa) dan memperkenalkan program berkenaan dengan kadar segera," kata Presiden PKMM, Datuk Mokhtar Samad.

Beliau berkata syarikat tempatan kini diberi keutamaan untuk memperoleh kontrak , namun penggunaan bahan mentah dalam kalangan syarikat tempatan banyak tertumpu terhadap sumber asing.

Bahan atau produk yang dibuat di Malaysia perlu diberi keutamaan dan salah satunya adalah seperti produk Cat 1Malaysia , kata Datuk Mokhtar Samad, sambil menambah bahawa PKMM baru-baru ini bekerjasama dengan Sersol Bhd, sebagai salah satu inisiatif terbaru dalam mempromosikan program beli dan utamakan produk Malaysia.

Minggu lalu persatuan itu mengadakan pakatan dengan Sersol bagi menyediakan bekalan cat jenama Cat 1Malaysia kepada kontraktor Melayu dalam melaksanakan projek mereka.

Syarikat-syarikat kontraktor di bawah persatuan itu kini memiliki kontrak kerja yang membabitkan skop mengecat dengan nilai kira-kira RM300 juta. – 8 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/beli-dan-utamakan-produk-malaysia-di-minta-masuk-dalam-bajet>